

**SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT KELIMA TAHUN PERTAMA
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS
PERAK DARUL RIDZUAN**

PADA 6 DISEMBER 2023 (RABU)

1. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Sila nyatakan status terkini program MM2H di Negeri Perak dan berapa jumlah peserta, hasil kutipan negeri sejak tahun 2010 serta apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai warga asing untuk melabur, bekerja, belajar, bersara di Negeri Perak di bawah program MM2H?

2. YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)

Penguatkuasaan Larangan Merokok.

Sedia maklum bahawa merokok dan perokok pasif amat membahayakan kesihatan. Terdapat sebilangan perokok yang kurang menjaga adab dan sensitiviti di tempat-tempat awam atau mana-mana kawasan larangan merokok. Sehubungan ini,

1. Apakah langkah-langkah penguatkuasaan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah perokok di tempat-tempat awam sekitar negeri?
2. Adakah Negeri Perak akan mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah perokok ini?

3. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN (KAMPONG GAJAH)

Apakah rancangan pihak kerajaan untuk memanfaatkan mini stadium, Kampong Gajah yang sudah lama terbiar? Begitu juga gelanggang tenis yang sudah lama tidak digunakan dan gelanggang futsal yang tidak diselenggara membahayakan pengguna?

4. YB PUAN WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)

Isu tanah mendap.

- a) Senaraikan Kawasan yang menghadapi isu tanah mendap di Perak terutamanya di Daerah Kinta.
- b) Apakah tindakan yang kerajaan ambil untuk menyelesaikan isu tanah mendap, terutamanya isu yang berlaku di kawasan skim perumahan?

5. **YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)**

Bagi masyarakat Orang Asli Dun Behrang, apakah peruntukkan yang diperincikan bagi pembangunan Orang Asli, bekalan air bersih dan elektrik agar sejajar dengan pembangunan yang berlaku di Dun Behrang?

6. **YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)**

Pembuangan sampah haram di Pasar Pasir Putih, Pasir Pinji, dan SPPK yang serius sehingga menjejaskan wajar persekitaran dan pencemaran.

- a) Apakah cadangan oleh pihak berkuasa untuk menghalang atau mengurangkan pembuangan sampah haram di situ?
- b) Apakah cadangan pihak berkuasa untuk mengalakkan amalan kitar semula di kalangan penduduk untuk mengurangkan pembuangan sampah haram?

7. **YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)**

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengenalpasti kawasan-kawasan pelancongan baru di Daerah Manjung?
- b) Adakah Pantai Tanjung Kepah dan Sungai Lombong di Daerah Manjung disenaraikan sebagai Kawasan pelancongan baru yang akan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri?

8. **YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA (PANGKOR)**

Apakah garis panduan kerajaan negeri dalam menetapkan gaji bagi guru taska dan tadika bertauliah iaitu mereka yang mempunyai kelulusan pendidikan awal kanak-kanak dan diploma?

9. **YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)**

Apakah NGO yang dilantik oleh pihak kerajaan negeri Perak bagi menguruskan kotak makanan Yayasan Perak? Dan nyatakan kriteria NGO tersebut yang melayakkannya diberi tanggungjawab menguruskan program bantuan kotak makanan tersebut? Dan apakah jaminan kerajaan dalam memastikan bantuan tersebut sampai kepada semua yang memerlukan, merentasi ideologi parti, bangsa dan agama?

10. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

Mohon Kerajaan nyatakan berapakah jumlah peruntukan Marris secara keseluruhan.

Sehingga tarikh 30 September 2023 berapakah telah dibelanjakan?

Berikan perincian perbelanjaan mengikut daerah dalam negeri Perak.

11. YB DR HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)

Apakah status terkini Komplek Bazar Rakyat yang telah lama tertangguh yang sepatutnya telah dibina di kawasan lembah Kuala Kangsar? Saya di maklumkan peruntukan untuk projek ini telah pun diluluskan.

12. YB ENCIK AHMAD BIN MAN (KUALA SEPETANG)

Nelayan Kuala Sepetang terjejas pendapatan melebihi 50 peratus setiap kali turun ke laut kerana ikan, udang dan ketam yang menjadi sumber tangkapan utama semakin pupus.

Ini disebabkan Nelayan Asing yang menceroboh menggunakan bot pukut Apollo. Apakah tindakan Kerajaan Negeri menanganai masalah ini.?

13. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)

Tahun Melawat Perak 2024

Kerajaan Negeri telah menyasarkan kemasukan 8 juta pelancong ke Negeri Perak pada tahun hadapan.

1. Apakah strategi yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam menjayakan Tahun Melawat Perak 2024 dalam membawa elemen pemuliharaan ekologi dan pemulihan alam sekitar ini?

2. Apakah usaha yang dijalankan di kawasan Dun Sungai Manik agar turut menjadi salah satu kawasan tumpuan pelancong di Negeri Perak?

3. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menjalankan baik pulih infrastruktur dan prasarana dalam menghadapi Tahun Melawat Perak 2024?

14. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)

Pasar awam merupakan empat jual beli barangan asas kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Pasar Awam Pekan Gurney dan Pasar Awam Jalan Senawi, Sitiawan mengalami pelbagai kerosakan dan perlu dinaik taraf serta merta.

- a. Adakah Kerajaan negeri bercadang untuk menaik taraf Pasar Awam Pekan Gurney dan Pasar Awam Jalan Senawi, Sitiawan?
- b. Berapakah jumlah peruntukan Majlis Perbandaran Manjung yang telah disalurkan untuk menaik taraf pasar awam di DUN Astaka pada tahun 2023?
- c. Berapakah peruntukan yang akan disalurkan untuk menaiktaraf pasar awam dalam DUN Astaka pada tahun 2024?

15. YB KAPT(B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

Ingin bertanya kepada YAB Menteri BEsar, adakah Kerajaan Negeri bercadang membina masjid baru di Kampung Sempeneh Cempaka?

16. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Industri pemakanan adalah salah satu daya tarikan peminat makanan, namun ada pihak pengusaha yang menghadapi masalah tiada pewaris untuk mengambil alih resipi dan cara penyediaan makanan, setelah hampir usia tua dan tidak mampu meneruskan usaha mereka.

- i. Apakah pihak kerajaan mempunyai kaedah membantu pengusaha golongan ini untuk memelihara resipi serta cara pengedaran makanan agar makanan sedap dan unik ini dapat diteruskan?
- ii. Apakah galakan-galakan yang sedia ada atau dirancang oleh pihak kerajaan bagi membantu golongan ini?
- iii. Apakah halangan dihadapi pihak kerajaan dan tidak mampu menghalang makanan sedap dan unik tersebut "terpupus"?

17. YB ENCIK NGA KOR MING (KEPAYANG)

Kebersihan Awam

Minta YAB Menteri Besar Perak nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mempertingkatkan kebersihan awam supaya Perak menuju ke arah menjadi negeri indah, bersih dan mampan?